

## **LBS Agih Dividen Saksama untuk Pemegang Saham**

Kekal optimis terhadap pasaran hartanah

---

**Petaling Jaya, 20 Jun 2023** – Pemaju perumahan terkemuka, LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”) hari ini mengumumkan bahawa ia berjaya memuktamadkan Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 (“AGM”) yang berlangsung sepenuhnya secara maya.

LBS seterusnya turut mengumumkan bahawa kesemua 13 resolusi biasa yang dibentang semasa AGM telah diluluskan oleh para pemegang sahamnya, termasuk dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.25 sen sesaham (“Dividen Akhir”) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 (“FYE2022”). Mengambil kira dividen interim pertama LBS dengan 1.20 sen sesaham (“Dividen Pertama”) yang diumumkan pada 19 April 2023, jumlah dividen LBS untuk FYE2022 adalah sebanyak 2.45 sen sesaham.

Dividen interim pertama dan dividen akhir akan dibayar pada 17 Julai 2023 dan 14 September 2023 masing-masing kepada pemegang saham yang tersenarai di dalam Rekod Pendeposit LBS pada 30 Jun 2023 dan 30 Ogos 2023.

Pengerusi Eksekutif LBS, Tan Sri Ir. Lim Hock San mengulas, “Kami berbesar hati untuk memuktamadkan satu lagi AGM dengan kesemua resolusi telah diluluskan dan ingin merakamkan ucapan penghargaan serta terima kasih kepada para pemegang saham di atas sokongan yang berterusan.

LBS turut menjangkakan pasaran hartanah akan berkembang dalam trajektori positif dengan peningkatan permohonan pinjaman di samping pelancaran yang lebih strategik dan terancang pada tahun ini. Susulan dari itu, kami telah melancarkan projek bernilai RM1.4 bilion dan dalam perancangan untuk melancarkan projek

dengan nilai anggaran RM2.09 bilion di seluruh Lembah Klang, Johor, Pahang dan Perak. Kami akan terus mengekalkan perspektif yang optimis pada pasaran hartanah.

LBS juga akan menggunakan strategi yang betul selaras dengan situasi pasaran semasa dan akan terus konsisten memainkan peranan di dalam memacu pemulihan pasaran hartanah. Harapan kami untuk terus mengharungi separuh kedua tahun 2023, dengan meningkatkan nilai pemegang berkepentingan sekaligus berusaha untuk mencapai pertumbuhan perniagaan yang lestari, dan membawa LBS ke peringkat yang lebih tinggi.”

-Tamat-